

Editorial Notes

Cite this editorial: AH, Borham (2023). Editorial. *Al-MAKRIFAH Journal of Knowledge and Learning in Islamic Tradition and Culture*, 1(1), iii-iv.

Jurnal Al-MAKRIFAH, vol. 1, issue 1 mengandungi enam artikel yang memfokuskan skop syariah, dakwah, pendidikan Islam dan tafsir. Artikel dalam skop syariah menganalisis pelaksanaan wakaf tunai. Di Malaysia, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), Yayasan Wakaf Malaysia (YWM), menyediakan medium saluran berwakaf tunai yang mudah dan pelbagai seperti skim wakaf tunai dengan penetapan nilai minimum sebagai langkah menarik minat masyarakat terhadap wakaf. Artikel skop dakwah pula memfokuskan kepada kepentingan program dakwah dalam aspek akidah di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). Program dakwah membantu dalam memberikan kefahaman akidah kepada pelajar di samping pembelajaran di kelas. Tiga artikel dalam skop pendidikan Islam dan tafsir yang memfokuskan amalan pembelajaran, isu keciciran, kaedah hafazan dan seni khat.

Artikel Noraini Mohamed, Muhammad Akramin dan Mohd Noor bertajuk “Pelaksanaan Wakaf Tunai, Wakaf Perak Ar Ridzuan (WPAR) 2016-2021” mendapati pelaksanaan wakaf tunai telah memberikan impak yang besar terhadap pembangunan di negeri Perak. Wakaf tunai memberi peluang semua orang untuk berwakaf dengan kemampuan berbanding berwakaf aset kekal. Kekurangan dana tunai memberikan implikasi terhadap pembangunan aset wakaf dan penerokaan potensi baharu yang boleh memberikan manfaat kepada umat Islam. Di negeri Perak, pelaksanaan wakaf tunai menumpukan empat bidang utama dalam pembangunan dan keperluan masyarakat iaitu ekonomi, pendidikan, kesihatan dan keagamaan. Dalam pembangunan ekonomi, wakaf tunai meningkatkan pendapatan dan taraf hidup masyarakat. Dalam bidang pendidikan, Wakaf Perak Ar Ridzuan (WPAR) telah menumpukan tumpuan kepada pembangunan fizikal dan program ilmu di institusi pengajian tinggi, sekolah, pusat tafsir, program agama dan sebagainya. Dalam pembangunan kesihatan, WPAR telah membina pusat rawatan hemodialisis, masjid dan surau. Ini menunjukkan pendidikan wakaf tunai dalam kalangan masyarakat Islam masih rendah dan memerlukan suatu strategi pendidikan berterusan di semua peringkat masyarakat.

Artikel Arbaenah Masud yang bertajuk “Pelaksanaan Program Dakwah dalam Aspek Akidah di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) negeri Johor. Artikel ini menganalisis pelaksanaan program dakwah dalam aspek akidah yang mempunyai kesinambungan daripada Sekolah Agama Rakyat (SAR). Pelaksanaan aktiviti dakwah lebih tersusun berdasarkan *mawdu* akidah, ibadah dan akhlak. Program dakwah dalam aspek akidah dilaksanakan mengikut perancangan dan takwim yang disediakan SABK mengikut peraturan kementerian. Analisis juga menunjukkan bahan-bahan program dakwah dalam aspek akidah masih kurang. Ini menunjukkan pelaksanaan program dakwah dalam aspek akidah memerlukan kefahaman dalam kalangan pentadbir, guru penyelia dan latihan penyediaan bahan akidah di SABK.

Artikel Mohamad Marzuqi Abdul Rahim et al., yang bertajuk “Analisis Faktor Pembelajaran Hifz al-Quran terhadap Amalan Tahriri al-Quran” di sekolah menengah aliran Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) di seluruh Malaysia. Kajian tinjauan ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan mengambil kira amalan pembelajaran tahriri al-Quran dan faktor pengetahuan atas tahriri, faktor latihan dan bimbingan, faktor peruntukan dan pengurusan masa

serta faktor soalan ujian dan peperiksaan. Ia satu langkah bagi menambah baik amalan pembelajaran tahriri al-Quran di sekolah menengah aliran Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT)

Isu keciciran dalam pendidikan menjadi perhatian kepada masyarakat. Artikel Ayu Amirosemini dan Khadijah Abdul Razak bertajuk “Amalan Pangajaran Guru bagi Pembelajaran Murid Tercicir dalam Matapelajaran Pendidikan Islam” mendapati keciciran dalam pembelajaran membimbangkan. Guru Pendidikan Islam memainkan peranan penting dan perlu sentiasa bersedia dalam memperkasakan amalan pengajaran guru dari pelbagai sudut. Masalah murid tercicir dalam mata pelajaran Pendidikan Islam dilihat kian bertambah. Artikel ini memfokuskan tentang amalan pengajaran guru Pendidikan Islam terhadap murid tercicir di sekolah rendah di pinggir bandar Kuala Lumpur. Dapatkan kajian menunjukkan amalan pengajaran yang paling dominan dalam pembelajaran murid tercicir dalam mata pelajaran Pendidikan Islam dengan mengenal pasti murid tercicir dan kaedah pengajaran. Walaupun faktor tersebut boleh membantu pengajaran dan pembelajaran murid tercicir, namun keperluan bagi semua pihak untuk membendung keciciran murid dengan faktor-faktor luaran lain.

Pendidikan tahfiz menjadi tumpuan kepada seluruh masyarakat di Malaysia. Pelbagai kaedah yang dibangunkan bagi tujuan meningkatkan dan memelihara hafazan al-Quran. Artikel Nur Masitah Mohamad, Balqis Khalisah dan Asma Hanisah yang bertajuk “Analisis Pelaksanaan Kaedah Karantina dalam Hafazan Al-Quran Pantas” mendapati kaedah karantina sebagai salah alternatif dalam pengajaran dan pembelajaran tahfiz al-Quran. Kaedah Karantina merupakan salah satu kaedah hafazan al-Quran pantas diperkenalkan di Malaysia khusus bagi mereka yang ingin menghafaz al-Quran dalam jangka masa pendek. Walaupun demikian, pelaksanaan kaedah ini perlu mengambil kira beberapa faktor yang boleh menjelaskan penerimaan dalam kalangan pelajar sepertimana dalam dapatan analisis artikel ini.

Artikel terakhir ditulis Muhammad Aizat Che Romli dan Samsuddin Abdul Hamid bertajuk “Seni Khat dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan di Malaysia: Ideal dan Realiti” membincangkan tentang realiti seni khat dalam konteks pendidikan. Seni khat merupakan warisan dengan sejarah penulisan al-Quran. Hasil penemuan artifak sejarah, seni khat telah dikenal pasti ditulis di batu nisan di makam-makam dan bangunan masjid. Ia menunjukkan seni khat telah lama bertapak di Tanah Melayu. Sehingga hari ini, seni khat telah berkembang dan diajar dalam bentuk pengajaran formal dalam sistem pendidikan Malaysia melalui kurikulum mata pelajaran Pendidikan Islam dan Bahasa Arab di sekolah-sekolah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mahupun institusi pendidikan swasta.

Abd Hadi bin Borham

Chief Editor

Al-MAKRIFAH Journal of Knowledge and Learning in Islamic Tradition and Culture